

Tarikh:

Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan menggariskan jawapan yang betul dan tepat. DSKP : SP 5.1.3

1. Baju berwarna merah yang dibeli oleh ayah itu (bukan , tidak) untuk kakak tetapi untuk adik.
2. Filem yang mempunyai unsur keganasan (bukan, tidak) sesuai ditonton oleh kanak-kanak dan remaja.
3. Lelaki itu menyatakan bahawa dia (bukan , tidak) dari Dungun, tetapi dari Kota Bharu.
4. Gotong royong perdana ini dilaksanakan (adalah , ialah) untuk memastikan kawasan sekolah bersih.
5. Beliau (adalah , ialah) pelumba motosikal negara yang pertama menyertai perlumbaan Motor GP Dunia.
6. Tugas setiausaha (adalah, ialah) untuk mencatat minit mesyuarat.
7. Warna kegemaran kakak saya (adalah,ialah) hijau.
8. Pemandangan di tepi sawah itu pada waktu petang (nian indah , indah nian).
9. Seniman (terhebat sekali, terhebat) di negara kita ialah Allahyarham P. Ramlee.
10. Murid yang (paling tinggi sekali, paling tinggi) di kelas ini ialah Amelia.
11. “ (Sungguh kaya sekali , Sungguh sangat kaya sekali) tokoh perniagaan dari Sarawak itu,” kata Tuan Husin kepada ibu saya.
12. “ Soalan ini (betul susah , susah betul),” kata Damia kepada Suraya.
13. Pemain bola keranjang dari Brazil itu (sangat tinggi-lampau , tinggi- lampai)
14. Antara tiga orang calon itu, Joharilah yang (tertinggi sekali, tinggi sekali) markahnya dan memenangi Anugerah Kecemerlangan Kokurikulum.